

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN/ BERTULIS

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-

- (a) apakah inisiatif Kementerian dalam memastikan pembangunan keusahawanan dalam kalangan belia di Parlimen Kuala Kangsar dapat diberi perhatian, khususnya dalam aspek kemudahan permohonan pembiayaan perniagaan; dan
- (b) bagaimanakah bantuan keusahawanan tersebut dapat membantu kelangsungan aktiviti keusahawanan mereka

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai program keusahawanan dan bantuan pembiayaan telah disalurkan bagi membantu usahawan daripada Negeri Perak, termasuk usahawan daripada Parlimen Kuala Kangsar. Antaranya adalah:

(i) TEKUN Nasional (TEKUN)

- (a) Sehingga bulan Ogos 2019, TEKUN telah mengeluarkan pinjaman **sejumlah RM24 juta kepada 2,896 orang usahawan**. Untuk lapan bulan

pertama 2019, seramai **61 orang usahawan telah mendapat pembiayaan bernilai RM654,000.**

- (b) Selain daripada program pembiayaan melalui TEKUN Niaga yang dibuka kepada semua usahawan Bumiputera, TEKUN juga menyediakan program pembiayaan khusus kepada usahawan muda melalui Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda, Program Pembangunan Usahawan Siswazah dan Program Agropreneur Muda (kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani).

(ii) SME Corporation (SME Corp)

- (a) Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh SME Corp adalah melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program yang berkonsepkan *bootcamp* ini telah direka khas bagi mempersiapkan usahawan muda baharu / golongan belia yang mempunyai minat untuk memulakan perniagaan. Keutamaan diberi kepada belia-belia yang memiliki Sijil Kemahiran dan terbuka untuk belia lepasan SPM serta graduan institusi pendidikan awam dan swasta.
- (b) Sehingga Ogos 2019, **sejumlah 424 belia Bumiputera dari negeri Perak telah dilatih dan mewujudkan 818 peluang pekerjaan** di bawah program ini. **Sejumlah 156 kelulusan bernilai RM10.6 juta geran bersamaan** telah diluluskan.
- (c) Antara kisah kejayaan peserta TUBE dari Kuala Kangsar, Perak adalah:
- Shahdalia Enterprise iaitu syarikat perniagaan perkhidmatan restoran, katering dan sos char kuey teow yang dimiliki oleh peserta TUBE iaitu Puan Amalina Abdul Aziz. Sehingga kini, beliau telah

berjaya memperolehi **pendapatan tahunan berjumlah RM850,000.**

- Encik Muhamad Afdzal Mustaffa yang merupakan peserta Program TUBE dan pemilik syarikat Karpel2U. Syarikat beliau menjalankan operasi perkhidmatan cucian karpel secara komersil. Secara keseluruhannya, **jualan tahunan syarikat beliau kini mencecah RM80,000 setahun.**

(iii) SME Bank

- (a) Sehingga Ogos 2019, SME Bank telah menyalurkan **bantuan pembiayaan kepada 20 usahawan daripada Negeri Perak berjumlah RM49.15 juta.**
- (b) SME Bank juga telah mengadakan sesi bertemu pelanggan sedia ada dan usahawan baru di peringkat negeri Perak pada bulan Mei 2019 di Kuala Kangsar.

Sekian, terima kasih.